

Headline	UTM kampus ekopelancongan		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	03 May 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N1	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,510
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,529



UTM kampus ekopelancongan

SKUDAI: Kawasan berdekatan Taman Rekreasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seluas 10 hektar akan ditanam semula bagi mewujudkan kampus ekopelancongan pertama di negara ini menerusi kerjasama Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Persetujuan membangunkan kawasan itu dicapai menerusi memorandum persefahaman (MOU) antara FRIM dan UTM yang bertujuan mewujudkan plot kajian berkembar bagi memenuhi keperluan kedua-dua pihak bagi melahirkan lebih ramai pakar serta membangunkan teknologi perhutanan sedia ada.

Projek hutan semula itu akan mewujudkan suasana pembelajaran kondusif berikutan ia dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk empat rumah panjang, masing-masing lima jambatan gantung dan denai dan 20 rumah kampung yang menjadi sebahagian pelan pelestarian kampus berkenaan dalam masa terdekat.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zaini Ujang, berkata usaha sama itu sebahagian daripada penyelidikan pihaknya dengan FRIM dalam proses penghutan semula hutan yang kini ditanam getah.

"Langkah ini sebahagian daripada Strategi Lautan Biru dengan menjadikan Hutan Hujan Tropika sebagai antara tarikan kepada pelajar untuk menjadikan UTM sebagai pilihan utama pusat pengajian," katanya selepas memeteraikan MOU itu bersama Pengarah FRIM, Datuk Abd Latif Mohmod.

Dr Zaini berkata, hutan seluas 10 hektar itu akan ditanam pelbagai spesies pokok termasuk meranti, seraya dan damar minyak bagi menghasilkan hutan dipterokrap, manakala spesies tualang, petai dan ara di kawasan rendah serta berdekatan aliran air bagi mewujudkan hutan bukan dipterokrap.

"Kita berharap mewujudkan eko-

sistem semula jadi dan boleh mengembalikan komposisi tanah asal serta membangunkan sistem biodiversiti yang memberi manfaat kepada manusia dan melindungi habitat haiwan.

"Kerjasama ini dijangka berterusan hingga 2020 dengan kawasan berhampiran projek itu yang kini ditanam getah akan diubah kepada tanaman spesies herba, selain memperuntukkan masing-masing satu hektar untuk menanam 20 jenis buluh dan tanam herba yang boleh memberikan hasil dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Sementara itu, Abd Latif berkata, pihaknya berharap kerjasama itu akan membangunkan persekitaran lestari dan mengekalkan kekayaan negara menerusi hutan yang dilihat sebagai aspek penting dalam kehidupan.



DR Zaini (kanan) dan Abd Latif melihat dokumen perjanjian projek kampus ekopelancongan pada majlis di Skudai.